

Persepsi Pelajar Terhadap Penerapan Kemahiran Generik Dalam Aktiviti Kokurikulum Di Kalangan Pelajar Tahun Dua Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai

Zulkiflee Haron & Aimi Ayuni Idris
Fakulti Pendidikan,
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak : Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti persepsi pelajar di Jabatan Pembangunan Sosial terhadap penerapan kemahiran generik dalam aktiviti kokurikulum yang diceburi. Dalam konteks kajian ini, tumpuannya meliputi empat aspek iaitu kemahiran komunikasi, kemahiran bekerjasama, kemahiran keusahawanan serta etika dan moral profesional. Populasi kajian yang diambil ialah pelajar-pelajar Fakulti Pendidikan, UTM yang mengikuti program 2SPI, 2SPL dan 2SPS iaitu seramai 113 orang. Oleh kerana bilangan mereka tidak begitu ramai, kesemua populasi seramai 113 orang pelajar tersebut telah dijadikan sampel dalam kajian ini. Satu set soal selidik yang mengandungi 37 item telah diedarkan kepada responden. Kajian rintis yang telah dilakukan menunjukkan nilai kebolehpercayaan soal selidik pada nilai Alpha Cronbach $\alpha=0.87$. Dapatan kajian dianalisis dengan menggunakan perisian Statistical Package For Social Science (SPSS) versi 12. Penganalisan dibuat mengikut kaedah statistik deskriptif iaitu dalam bentuk kekerapan dan peratusan. Hasil kajian mendapati bahawa penerapan kemahiran berkomunikasi, kemahiran bekerjasama serta etika dan moral profesional dalam aktiviti kokurikulum yang telah diceburi adalah berada pada tahap yang tinggi manakala penerapan kemahiran keusahawanan dalam aktiviti kokurikulum menunjukkan penerapannya ditahap yang sederhana. Di akhir kajian ini pengkaji turut mengemukakan beberapa cadangan sebagai panduan dan tindakan yang sewajarnya diambil oleh pihak-pihak tertentu.

Katakunci : penerapan kemahiran generic, aktiviti kokurikulum

Pengenalan

Kokurikulum memainkan peranan penting dalam semua aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Berdasarkan kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang menghendaki seseorang insan itu dapat memanfaatkan ilmu ke arah kecemerlangan diri dan mampu memberi sumbangan kepada masyarakat serta negara, maka pengisian maklumat tersebut tidak tertumpu semata-mata terhadap kurikulum. Aktiviti kokurikulum menyediakan pelbagai peluang kepada pelajar untuk menambah, mengukur dan mengamalkan kemahiran, pengetahuan dan nilai-nilai yang telah dipelajari di dalam kelas.

Pendidikan di Malaysia terbahagi kepada dua bahagian program yang besar iaitu kurikulum dan kokurikulum. Kedua-dua bahagian ini berhubungkait antara satu sama lain bertepatan dengan objektif Falsafah Pendidikan Kebangsaan iaitu melahirkan pelajar yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani serta melahirkan rakyat yang berilmu, berpengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta member sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.

Menurut (Ab. Alim, 1994 : 1), aktiviti, proses serta isi kandungan pengajaran dan pembelajaran yang dilakukan di bilik darjah atau mata pelajaran akademik di sebut kurikulum. Hal ini menunjukkan bahawa kurikulum ialah aktiviti akademik seperti Bahasa Melayu, Sejarah, Geografi dan sebagainya, di mana proses pengajaran dan pembelajaran dikategorikan sebagai

pendidikan formal. Sukatan mata pelajaran ini adalah untuk memenuhi keperluan-keperluan fikiran, fizikal dan sosial pelajar.

Selain itu, kokurikulum juga merupakan pelengkap kepada kehendak dan kepentingan kurikulum. Sumbangan kokurikulum bukan setakat mengisi kepentingan perseorangan semata-mata tetapi yang nyata kecemerlangan tersebut jika digemblengkan akan memberi satu sumbangan yang bererti dalam pembinaan masyarakat seimbang dan negara yang makmur (Mohd Sofian, 2002 : 2).

Kokurikulum dan kurikulum adalah dua komponen yang mempunyai hubungan yang sangat rapat dan saling mengukuhkan antara satu sama lain dalam sistem pendidikan. Kokurikulum bukan sekadar mengisi kepentingan perseorangan semata-mata tetapi yang nyata kecemerlangan tersebut jika digemblengkan akan memberi sesuatu sumbangan yang bererti dalam pembinaan masyarakat seimbang dan negara yang makmur.

Pernyataan Masalah

Daripada dapatan latarbelakang masalah tadi, didapati antara sebab yang berlakunya pengangguran dikalangan mahasiswa adalah kurangnya kemahiran generik yang meliputi kemahiran berkomunikasi, bekerjasama, etika dan keusahawanan. Mengikut Hasliza (2002 dalam Mohd Najib, 2006), lulusan institusi pendidikan tinggi tidak mempunyai kemahiran – kemahiran generik menyebabkan mereka tidak mendapat tempat di pasaran kerja masa kini.

Hal ini jelas menunjukkan bahawa kegiatan kokurikulum diharapkan dapat membentuk personaliti pemimpin pada diri pelajar. Ini selaras dengan dasar Kementerian Pelajaran Malaysia dalam Rancangan Malaysia ke enam yang telah mensasarkan beberapa objektif yang boleh dicapai berkaitan dengan pembentukan daya kepimpinan di kalangan pelajar melalui kegiatan kokurikulum yang member peluang kepada semua pelajar melibatkan diri dengan aktif secara individu atau kumpulan, meningkatkan disiplin pelajar melalui penyemaian dan pemupukan nilai dengan sikap positif, memupuk daya kepimpinan di kalangan mereka dan seterusnya memberi peluang kepada pelajar untuk melatih diri serta memupuk sikap yakin diri dan berani.

Secara umumnya kita menyedari bahawa bakat kepimpinan, komunikasi, kebolehan, perasaan, sikap dan tanggungjawab dalam diri seseorang tidak wujud secara semulajadi atau tersendiri. Menyedari hakikat ini, pihak berwajib telah mengambil inisiatif untuk menyemai dan menyebarkan sikap tersebut diperingkat paling awal yang mungkin sama ada dalam kegiatan kurikulum atau kokurikulum. Usaha ini dijangkakan akan lebih berjaya jika dilakukan di alam persekolahan kerana inilah masa yang paling sesuai untuk mengasah dan mendidik pelajar – pelajar supaya bersikap mulia dan bertanggungjawab kerana pelajar masih kurang terdedah dengan anasir luar, Robiah, 1989 (dalam Mohd Nizam, 2006).

Oleh yang demikian, penyelidik ingin mengetahui sejauhmana kemahiran generik dapat diterapkan dalam kegiatan kokurikulum dikalangan pelajar tahun dua di Jabatan Pembangunan Sosial, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai Johor.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk :

1. Mengenalpasti kemahiran berkomunikasi dapat diterapkan dalam aktiviti kokurikulum.
2. Mengenalpasti kemahiran bekerjasama dapat diterapkan dalam aktiviti kokurikulum.
3. Mengenalpasti kemahiran keusahawanan dapat diterapkan dalam aktiviti kokurikulum.
4. Mengenalpasti etika dan moral profesional dapat diterapkan dalam aktiviti kokurikulum.

Kepentingan Kajian

1. Pelajar Jabatan Pembangunan Sosial, Universiti Teknologi Malaysia

- i. Memberikan kesedaran kepada pelajar akan kepentingan aktiviti kokurikulum di dalam proses pembelajaran.
- ii. Membentuk ciri komunikasi yang baik di kalangan pelajar.
- iii. Melahirkan pelajar yang mempunyai etika dan moral yang baik.
- iv. Membentuk pelajar yang berketrampilan dalam bidang keusahawanan.

2. Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

a) Pusat Kokurikulum UTM

- i. Membantu Pusat Kokurikulum Universiti untuk mengkaji aktiviti kokurikulum yang relevan dengan kehendak semasa.
- ii. Membantu Pusat Kokurikulum Universiti dalam mengkaji semula aktiviti kokurikulum sedia ada kepada yang lebih baik agar dapat memenuhi permintaan diperingkat global.

b) Pejabat Hal Ehwal Pelajar UTM

- i. Membantu Pejabat Hal Ehwal Pelajar Universiti mencari jalan penyelesaian agar pelajar lebih berminat untuk menyertai aktiviti kokurikulum di luar waktu wajib.
- ii. Memberi kesedaran kepada pentadbiran Hal Ehwal Pelajar Universiti Teknologi Malaysia Skudai, Johor untuk terlibat sama agar aktiviti berjalan dengan lebih baik.
- iii. Membantu Pejabat Hal Ehwal Pelajar Universiti mengkaji peruntukan kewangan yang bersesuaian.

Rekabentuk Kajian

Rekabentuk kajian yang akan dijalankan ini adalah berbentuk deskriptif. Penyelidikan deskriptif merupakan penyelidikan yang bermatlamat untuk menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku. (Mohd. Najib Abdul Ghafar, 1999: 46). Penyelidikan deskriptif melibatkan pengumpulan data untuk mengkaji hipotesis atau menjawab soalan berkaitan dengan status subjek yang dikaji pada satu masa. Data deskriptif dikumpul melalui soal selidik di mana penyelidik akan memberi sendiri borang soal selidik kepada setiap responden dan menerangkan kepada mereka bagaimana cara untuk menjawab atau mengisi borang soal selidik.

Soal selidik adalah satu instrumen yang lazim digunakan dalam sesuatu penyelidikan. Selain itu soal selidik ini dapat mengurangkan perbelanjaan, masa dan tenaga bagi mengumpul data. Penggunaan skala likert dalam soal selidik bagi sesuatu set senarai kenyataan akan digunakan untuk mengetahui persepsi responden terhadap isu-isu yang dikemukakan. Soal selidik ini diberi secara individu kepada responden. Responden dikehendaki memberikan jawapan di dalam ruangan pada borang jawapan yang disediakan.

Populasi dan Sampel Kajian

Populasi ialah sekumpulan masyarakat yang mempunyai ciri yang sama. Melalui populasi, bidang masalah yang perlu dikaji dapat ditentukan. Populasi menentukan sejauh mana dan sebanyak mana data dan maklumat perlu dikumpul dan dianalisis (Mohd. Najib, 2003: 37). Populasi merupakan cerapan ke atas sekumpulan individu atau objek. Individu atau objek yang dicerap mestilah mempunyai sekurang-kurangnya satu ciri atau sifat yang sama antara satu dengan lain.

Oleh yang demikian, tiga program pendidikan iaitu Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Pengajian Islam) Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (TESL) dan Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Sains Sukan) telah dipilih mewakili populasi pelajar di Falkuti Pendidikan, Jabatan

Pembangunan Sosial, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor dan kemudian semua pelajar tahun dua di Jabatan Pembangunan Sosial ini dipilih sebagai sampel kajian. Jadual 1 menunjukkan taburan populasi dan sampel kajian.

Jadual 1 : Taburan populasi dan sampel

No	Kursus	Populasi	Sampel
1	Ijazah sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Pengajian Islam)	43	43
2	Ijazah sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (TESL)	31	31
3	Ijazah sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Sains Sukan)	39	39
Jumlah		113	113

Menurut (Mohd Najib Abdul Ghafar, 1999: 38), 30 peratus daripada jumlah populasi atau 30 peratus sampel telah mencukupi. Walau bagaimana pun, penyelidik tidak menghadapi masalah bagi mengambil semua populasi dan penyelidik merasakan populasi yang banyak mengukuhkan lagi dapatan kajian.

Instrumen Kajian

Borang soal selidik digunakan untuk memperolehi maklumat daripada subjek yang dikaji. Soal selidik telah didapati lebih pratikal dan berkesan digunakan untuk populasi yang besar kerana ia dapat mengukur ciri-ciri atau pembolehubah yang hendak diukur daripada saiz sampel yang banyak dan akan meningkatkan ketepatan anggaran statistik sampel untuk menganggar parameter populasi (Mohd Majid, 1990: 80).

Item-item kajian dibina berdasarkan item-item yang telah diubahsuai dari instrumen yang telah digunakan dalam kajian lepas oleh penyelidik lain. Satu tinjauan di mana pelajar tahun dua di Jabatan Pendidikan Pembangunan Sosial dijadikan sebagai sampel. Satu set borang soal selidik diedar kepada responden berdasarkan kelas yang telah dipilih untuk mendapat maklumat tentang persepsi pelajar tahun dua Jabatan Pembangunan Sosial terhadap kemahiran generik dapat diterapkan dalam kegiatan kokurikulum.

Borang soal selidik diedar dan diseliakan sendiri oleh penyelidik kepada responden yang dipilih. Penerangan ringkas diberi sebelum responden menjawab soalan yang diedarkan. Ini adalah untuk memudahkan mereka menjawab soalan tersebut. Borang soal selidik tersebut juga boleh dibawa pulang selama tiga hari sebelum dikumpul kembali. Ini adalah untuk memberikan masa yang cukup kepada responden untuk menjawab segala item dengan teliti (Mohd Najib Abdul Ghafar, 1999: 39). Semua hasil atau dapatan dibuat penganalisan mengikut kaedah perisian 'Statistical Package For The Social Science version 12.0 for windows' (SPSS).

Satu set borang soal selidik diberikan kepada responden terbahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B.

Kajian Rintis

Bagi memastikan keberkesanan, kesahan dan kebolehpercayaan sesuatu instrumen, satu kajian rintis amat diperlukan sebelum kajian sebenar untuk melihat kefahaman dan kebolehan responden untuk menjawab item soalan. Wiersma (1991), menyatakan bahawa kajian rintis telah dijalankan bertujuan untuk menguji item dari segi bahasa dan untuk mendapatkan darjah kebolehpercayaan. Oleh itu, penyelidik menjalankan kajian rintis di Universiti Teknologi

Malaysia, Skudai Johor. Seramai 10 orang pelajar tahun empat Fakulti Pendidikan dipilih secara rawak bagi menjawab kajian rintis ini. Jadual 2 menunjukkan nilai klasifikasi kekuatan alpha.

Jadual 2 : Klasifikasi Kekuatan Alpha (Mohd Najib, 1999)

NILAI ALPHA	KEKUATAN
0.0 – 0.2	Sangat lemah
0.2 – 0.4	Lemah
0.4 – 0.7	Sederhana
0.7 – 0.9	Tinggi
0.9 – 1.0	Sangat tinggi

Menurut (Mohd Najib Abdul Ghafar, 1999: 100), nilai alpha di antara 0.5–0.6 adalah memadai bagi instrumen yang dibina sendiri. Keputusan ini menunjukkan item-item atau alat ukur yang dibina sendiri mempunyai ketekalan dan sesuai digunakan dalam kajian.

Analisis Data

Jadual 3 : Nilai Purata Pembolehubah

No	Faktor	Purata Keseluruhan (%)	Tahap
1	Kemahiran Berkomunikasi	74.6	Tinggi
2	Kemahiran Bekerjasama	79.9	Tinggi
3	Kemahiran Keusahawanan	62.5	Sederhana
4	Etika dan Moral Profesional	70.8	Tinggi

Berdasarkan jadual 3 tersebut pada keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa persepsi pelajar tahun dua di Jabatan Pembangunan Sosial Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor terhadap penerapan kemahiran generik dalam kegiatan kokurikulum berada pada tahap tinggi. Di mana nilai penentuan tahap peratusan purata yang diperoleh melalui persoalan kajian pertama iaitu kemahiran berkomunikasi adalah 74.6%. Bagi persoalan kajian ke dua adalah berdasarkan kemahiran bekerjasama nilai peratusan purata bagi persoalan kajian ini adalah 79.9%. Manakala untuk persoalan kajian ke tiga berkaitan kemahiran keusahawanan nilai penentuan peratusan adalah 62.5%. Bagi persoalan kajian terakhir pula berkaitan etika dan moral profesional, nilai penentuan tahap peratusan adalah 70.8%. Kesemua persoalan kajian yang dikemukakan memberikan nilai yang tinggi kecuali bagi kemahiran keusahawanan yang berada pada tahap sederhana. Ini adalah berdasarkan jadual 4.6 penentuan tahap peratusan.

Perbincangan

Berdasarkan daripada hasil dapatan kajian yang telah dijalankan jelas menunjukkan bahawa seramai 42 responden daripada jumlah keseluruhan responden adalah daripada pelajar lelaki iaitu bersamaan dengan 37.2% dan bilangan responden perempuan adalah 71 orang iaitu sebanyak 62.8%. Ini menunjukkan bahawa pelajar perempuan lebih berminat untuk memilih bidang perguruan berbanding pelajar lelaki berdasarkan bilangannya yang lebih berbanding pelajar perempuan.

Dapatan kajian menunjukkan ramai di kalangan responden berbangsa Melayu iaitu seramai 97 orang. Ini membuktikan bahawa pelajar Melayu masih lagi menguasai jurusan ini. Manakala responden yang terdiri daripada bangsa Cina ialah seramai lapan orang dengan nilai peratusan 7.1%, bangsa India pula seramai enam orang iaitu 5.3% dan selebihnya ialah dua

orang yang terdiri daripada bumiputera Sabah dan Sarawak. Penglibatan pelajar terhadap kegiatan kokurikulum ini adalah 100% kerana didapati kesemua pelajar telah mengikuti kegiatan ini sekurang-kurangnya sekali.

Manakala responden adalah mereka yang mengikuti tiga kursus iaitu Ijazah Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Pengajian Islam) dengan jumlah bilangan seramai 43 atau nilai peratusannya sebanyak 38.1%, Ijazah Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (TESL) seramai 31 responden atau 27.4% dan bagi kursus Ijazah Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Sains Sukan) adalah seramai 39 responden dengan nilai peratusan sebanyak 34.5%.

Berdasarkan maklumat yang diperolehi, dapat dirumuskan bahawa salah satu komponen kemahiran generik iaitu kemahiran berkomunikasi berjaya diterapkan kepada pelajar tahun dua berdasarkan kegiatan kokurikulum yang diceburi kerana hasil kajian menunjukkan peratusan kemahiran berkomunikasi berada pada tahap yang tinggi.

Bagi memberikan pendedahan yang lebih terhadap kepentingan kemahiran berkomunikasi di kalangan pelajar, pendidik ataupun pensyarah perlu memainkan peranan yang penting untuk menjayakannya. Pelajar perlu diberikan galakan dan sokongan untuk melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum. Pensyarah juga perlu memberikan panduan kepada pelajar dalam membentuk cara komunikasi yang baik. Penubuhan kelab pidato dan bahasa perlu dipertingkatkan di semua institusi pendidikan kerana aktiviti ini akan membantu pelajar membentuk konsep sendiri yang positif dalam kemahiran komunikasi (Halimah, 2000). Ini telah terbukti pada item 6 kebanyakan responden iaitu 76.1% bersetuju bahawa mereka berasa yakin apabila menyuarakan pendapat. Selain itu, responden juga menyedari bahawa sifat berani berucap dikhalayak ramai adalah salah satu kemahiran komunikasi yang penting. Ini telah dibuktikan pada item 8 yang menunjukkan nilai peratusan yang paling tinggi iaitu 84.1%.

Dapatan kajian dalam bab empat, menunjukkan kemahiran bekerjasama berjaya diterapkan dalam aktiviti kokurikulum. Secara puratanya menunjukkan peratusan bagi kemahiran bekerjasama ini berada pada tahap yang tinggi.

Selaian itu, responden juga bersetuju bahawa tugas dan pencapaian sesama sendiri di antara ahli kumpulan sentiasa dipantau. Dengan adanya pemantauan tugas dan pencapaian, setiap ahli dalam kumpulan akan bekerjasama sekiranya ada di antara mereka yang menghadapi masalah. Seramai 92 responden memberikan maklum balas bersetuju dengan item 20 dan tahap peratusan bagi item ini adalah tinggi.

Oleh yang demikian, kemahiran bekerjasama amat penting bagi setiap individu dalam mewujudkan satu aktiviti kumpulan yang baik. Dengan adanya sifat bekerjasama, maka segala tugas, pencapaian dan keputusan yang dibuat di dalam kumpulan dapat dilaksanakan dengan baik.

Etika merupakan satu aspek yang penting dan berguna kepada pelajar pengajian tinggi yang bakal menjadi pemimpin negara dan menerajui agensi, institusi, dan organisasi pelbagai bidang khususnya di sektor kerajaan dan swasta. Justeru, nilai etika dan moral profesional perlu diterapkan ke dalam diri pelajar supaya peraturan-peraturan etika dapat dipatuhi oleh setiap individu (Mohd Janib Johari, 2001: 18).

Selain itu, responden juga bersetuju bahawa mereka sentiasa mengawasi tingkah laku dalam setiap perkara yang dilakukan terutama dalam aktiviti kokurikulum yang disertai. Seramai 91 responden memberikan maklum balas bersetuju dengan item 32. Ia diperkukuhkan lagi dengan nilai peratusan sebanyak 80.5% dan berada pada tahap yang tinggi. Hasil dapatan ini membuktikan bahawa etika dan moral profesional dapat diterapkan dalam aktiviti kokurikulum.

Rujukan

- Abdullah Hassan dan Ainon Mohammad (2000). *Kemahiran Interpersonal Untuk Guru Bistari*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., Kuala Lumpur.
- Ainon Mohd dan Abdullah (1999). *Menyelesaikan Masalah Secara Kreatif*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., Kuala Lumpur.
- Elshout, J.J Jansweijer. W. & Wielinga, B.J (1990). *On The Multiply of Learning To Solve Problems*. Dalam Bennet, S.N. De Corte, E. Friedrich, H.F & Mandl, H. Learning & Instruction : *European Research in an International Context*, Volume 2:1, Social and Cognitive Aspects of Learning and Instruction. Pergamon Press, U.S.A.
- Halimah Ma'alip (2000). *Hubungan Konsep Kendiri dengan Kemahiran Interpersonal Tahap Pencapaian Akademik*. Universiti Teknologi Malaysia : Projek Sarjana Muda.
- Mohd Sofian Omar Fauzee, Aminuddin Yusog, Borhan Yusof, Che Aziz Che Pah, Ida Marina Muzahar, Rohanida (2002). *Kepentingan dan Keperluan Aktiviti Kokurikulum*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, Kuala Lumpur.
- Kamus Dewan (1989). *Edisi Baru*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Squires, G. (1990). First Degree. *The Undergraduate Curriculum*. Buckingham. Open University Press.
- Tengku Mahaleel Tengku Arif (2002). *Ciri – Ciri Kualiti Pelajar untuk Keperluan Kerja Pada Masa Kini*, Seminar Antara Industri dan Institusi Pendidikan Awam Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Yep Putih (1985). *Keusahawanan*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Zuraidah Awaluddin (2003). *Peranan Aktiviti Kokurikulum dan Faktor-faktor yang Mempengaruhi Penglibatan Pelajar : Satu Tinjauan Terhadap Pelajar Tingkatan Empat di Sekolah Menengah Kebangsaan Jerantut, Pahang* : Projek Sarjana Muda.